



SHAFRY

37 pelajar UTHM terpilih sertai SUKMA

Batu Pahat: Seramai 37 pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini, dipilih mewakili kontinjen negeri ini bagi menghadapi Sukan Malaysia (SUKMA) 2013 yang akan berlangsung di Kuala Lumpur, Jun ini.

Paling membanggakan universiti kejuruteraan itu apabila pasukan mendayung bakal mewakili Johor ialah daripada pasukan mendayung UTHM yang menempa pelbagai kejayaan sebelum ini.

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat UTHM Shafry Salim berkata, daripada 37 mahasiswa yang terpilih mewakili Johor ke SUKMA, 31 pasukan mendayung UTHM yang pernah memenangi kejohanan mendayung peringkat universiti dan terbuka.

Menurutnya, pasukan itu dilatih dua atlet UTHM yang pernah mewakili negara pada Sukan Sea 2011 iaitu Safuan Md Jani dan Mohd Zulfadli Rozali yang kini melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana UTHM.

“Selain pasukan mendayung mewakili Johor, atlet sukan lain mewakili Negeri Sembilan dan Melaka iaitu bagi pasukan bola jaring dan futsal wanita manakala beberapa atlet lain mewakili pasukan silat.

“Pembabitan mahasiswa UTHM dalam SUKMA membantu kerajaan mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus atlet negara lahir dari pusat pengajian tinggi,” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Menurutnya, UTHM berharap pencapaian cemerlang ditunjukkan pasukan mendayung, bola baling dan silat menaikkan nama UTHM sebagai hab pembangunan sukan baru di selatan tanah air.

Katanya, ini kerana UTHM mendapat kerjasama pengurusan tertinggi universiti, persatuan sukan dan penggiat sukan untuk melahirkan atlet berwibawa tinggi.